

Advertorial

Skim ladang burung Walet Swiflet Eco Park

SEJAK menyedari khasiat sarang burung Walet yang kaya dengan protein dan mengandungi 18 jenis asid amino untuk merangsang perkembangan dan pertumbuhan badan, Malaysia mula aktif memperkembangkan industri itu.

Malah, sehingga kini Malaysia menjadi antara tiga negara pengeluar utama produk sarang burung walit di dunia selain Indonesia dan Thailand, di mana gabungan ketiga-tiga negara itu mampu menyumbang kepada lebih 95 peratus pengeluaran dunia.

Khasiatnya sebagai makanan tambahan lengkap yang baik untuk kesihatan juga menjadikan sarang burung Walet mendapat permintaan meluas seluruh dunia khususnya China, Hong Kong, Korea Selatan, Taiwan, Jepun, India dan Timur Tengah.

Burung walit atau nama saintifiknya *Aerodramus fuciphagus* mempunyai fi-

zikal kecil dan membuat sarang di gua dengan burung Walet betina serta pasangan menghasilkan 'rumah' menggunakan air liur (saliva) setiap kali burung betina bertelur.

Setiap tahun, pasangan burung Walet akan mendapat enam ekor anak yang dilahirkan sepasang bagi setiap empat bulan atau tiga kali dalam setahun.

Berikutan potensi baik untuk pasaran eksport, kerajaan mengambil langkah membangunkan industri itu dengan lebih berkesan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan berharap mencapai sasaran pembinaan 100,000 rumah burung menjelang 2015.

Pembinaan rumah burung itu dianggarkan mampu mencapai nilai pengeluaran berjumlah RM5 bilion. Ketika ini, pengeluaran sarang burung negara baru mencapai 375 tan dengan nilai runcit melebihi RM1.5 bilion.

Bagi menyokong usaha ber-

kenaan, Swiflet Eco Park Berhad (SEPB) yang juga ahli Kumpulan Syarikat Swiflet Eco Park memperkenalkan Skim Kepentingan Kongsitani Perladangan Burung Walit atau lebih dikenali Skim Egris untuk manfaat orang ramai.

Kumpulan syarikat ini pemaju pertama membina ladang burung Walet dengan memperoleh kelulusan semua pihak berkuasa berkaitan, malah setakat ini 14 projek dibangunkan di tujuh negeri iaitu tiga di Taman Eko Burung Walet di Perak, manakala lima di Terengganu.

Lokasi lain termasuk masing-masing satu di Bio Desaru, Johor; Kuala Rompin, Pahang; Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan; Tanjung Karang, Selangor dan Seberang Prai, Pulau Pinang.

Skim Egris diluluskan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai skim pelaburan dan menjadi perusahaan perladangan burung Walet pertama dilesenkan kerajaan.

SEPB menggunakan pendekatan sistematik.

Menerusinya, semua pihak terbabit berpeluang berkongsi manfaat melalui 'Economics of Scale' dan jangkaan penasihat bebas turut menetapkan setiap unit skim berpotensi memperoleh RM270,000 dalam masa 35 tahun dengan jumlah purata pulangan melebihi 75 peratus.

Sehubungan itu, Skim Egris ini satu bentuk pelaburan sesuai bagi mereka yang mencari pendapatan berterusan untuk persaraan, simpanan, pendidikan anak, kedah melindungi modal atau mengatasi inflasi.

Maklumat lanjut boleh menghubungi SEPB di 21-8, The Boulevard Offices, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur atau di talian 03-22878795, 03-22878796 atau faks ke 03-22878793. SEPB boleh juga dikunjungi di laman web www.swiftletecopark.com.